



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

JELAJAH FIT MALAYSIA KE NEGERI PERAK

1. **YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan** telah merasmikan program **Jelajah Fit Malaysia Peringkat Negeri Perak Tahun 2023** bertempat di **Kompleks Belia dan Sukan Negeri Perak, Ipoh** hari ini.
2. Fit Malaysia merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dengan hasrat untuk **membudaya dan merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat** menerusi amalan gaya hidup aktif, cergas dan sihat seiring dengan aspirasi di bawah kerangka Malaysia MADANI.
3. Penganjuran program adalah **berkonsepkan karnival kecergasan** dengan pengisian aktiviti seperti *Fun Ride 10 KM & 35 KM, Fun Run 5 KM & 10 KM, Fun Walk 3 KM*, senamrobik, lompat tali, pameran kecergasan dan kesihatan dan banyak lagi dengan anggaran penyertaan seramai 9,000 orang.
4. Bertemakan **“Let’s Get Fit”**, program dianjurkan dengan objektif seperti berikut:
 - 4.1 Meningkatkan **kesedaran masyarakat** terhadap kepentingan mengamalkan gaya hidup aktif, cergas dan sihat;
 - 4.2 Membudayakan **sukan dalam kalangan masyarakat** dengan dengan amalan gaya hidup aktif dan cergas; dan
 - 4.3 Memperkukuhkan **perpaduan dan integrasi nasional** menerusi penganjuran dan penyertaan di dalam acara sukan.

5. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) **sedang melaksanakan siri Jelajah Fit Malaysia di seluruh negara** yang mana kemuncaknya akan diadakan pada **14 Oktober 2023 (Sabtu)** bersekali dengan sambutan **Hari Sukan Negara** di **Pekarangan Istana Kehakiman, Putrajaya**.
6. Program ini turut dihadiri **Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak, YB Khairudin bin Abu Hanipah** dan **Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sukan) JBSN, Encik Abd Aziz Abd Rahman**.
7. Sekiranya orang ramai atau mana-mana pihak **memerlukan maklumat** atau **mempunyai pertanyaan** mengenai penganjuran Fit Malaysia, sila hubungi Sekretariat Fit Malaysia di talian **03-8871 3159** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my** atau layari **www.jbsn.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

20 Ogos 2023